

Oleh Noor Mohamad bin Shakil Hameed



# Bersatu hati banteras jenayah warga asing

**M**utakhir ini kejadian jenayah membabitkan warga asing semakin menjadi-jadi. Boleh dikatakan hampir setiap hari ada saja laporan kejadian jenayah membabitkan mereka sama ada dalam media cetak maupun elektronik.

Ternyata mereka semakin berani membuat onar dan tidak menghormati undang-undang di negara kita. Ini ditambah pula apabila ramai dalam kalangan mereka bekerja dalam sektor pekerjaan yang penting misalnya sebagai pengawal keselamatan yang membolehkan mereka menggunakan senjata api.

Beberapa kejadian rompakan baru-baru ini misalnya yang membabitkan pengawal keselamatan warga asing cukup merisaukan masyarakat kita kerana mereka bukan saja merompak, malah sanggup membunuh asalkan mencapai objektif mereka. Ingatan kita masih segar terhadap nasib malang yang menimpa Norazita Abu Talib, 37, seorang pegawai bank yang ditembak mati dengan kejam oleh seorang pengawal keselamatan warga asing baru-baru ini.

Begitu juga halnya dengan satu lagi kejadian rompakan iaitu di sebuah kedai emas yang turut membabitkan pengawal keselamatan warga asing selang beberapa hari selepas kejadian rompakan bank terbabit.

Dalam hal ini apa yang lebih mengecewakan kita ialah pendedahan ramai warga asing dapat memiliki ataupun membeli kad pengenalan palsu dengan hanya bayaran ratusan ringgit untuk menipu dan mendapatkan peluang pekerjaan.

Misalnya warga asing yang menembak mati pegawai bank bernaikan dikatakan membeli kad pengenalan palsu dengan anggaran harga hanya sekitar RM200 hingga RM600 yang membolehkan beliau bekerja sebagai pengawal keselamatan yang akhirnya meragut nyawa seorang isteri dan ibu yang tidak berdosa.

Sama ada kita sedar ataupun tidak hakikatnya ialah industri kawalan keselamatan negara boleh dikatakan dimonopoli warga asing berdaftar yang dianggarkan sekitar 150,000 orang iaitu 53 peratus berbanding rakyat tempatan yang hanya sekitar 100,000 orang.

Statistik ini belum merangkumi warga asing yang bekerja secara haram dalam industri ini. Gaji murah, tidak perlu carum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta tidak perlu bayar kerja lebih masa (OT) antara punca kenapa syarikat kawalan keselamatan begitu teruja untuk menggaji pengawal keselamatan warga asing.

Lebih memerlukan lagi apabila ada juga pengawal keselamatan da-

ripada kalangan warga Pakistan dan India. Ini jelas melanggar Akta Agen Persendirian 1971 yang mensyaratkan hanya warga Malaysia dan Nepal yang pernah berkhidmat sebagai tentera serta polis dibenarkan untuk menjadi pengawal keselamatan.

Ini cuma antara kes yang mendapat perhatian khalayak kerana penulis percaya kejadian jenayah membabitkan warga asing di negara kita sebenarnya lebih banyak daripada apa yang dilaporkan dalam media dan ia tidak terhad kepada kelompok pengawal keselamatan warga asing semata-semata.

Realitinya tidak semua kejadian jenayah dari seluruh negara dapat dilaporkan dalam media. Walaupun menurut Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, kadar jenayah di negara kita membabitkan pendatang asing hanya sekitar 10 hingga 15 peratus, namun andai ancaman mereka ini tidak dibendung dengan segera maka kita khawatir ia akan semakin merebak dan boleh menjadi ancaman yang besar kepada keselamatan dan ke-sejahteraan masyarakat kita.

Untuk rekod, jumlah pekerja asing berdaftar di negara kita sekarang ialah seramai 2.11 juta dengan majoritinya dari Indonesia. Ini belum lagi dikira jumlah pekerja asing haram yang memasuki negara ini dan bekerja secara haram.

Ini ditambah pula dengan pendedahan statistik indeks jenayah di negara kita mulai Januari hingga September tahun ini yang mencatatkan sebanyak 111,020 kes yang dilihat mengundang kerisauan dalam kalangan masyarakat kita secara keseluruhannya.

Walaupun kita memuji tindakan segera pihak KDN yang membatalkan lesen syarikat kawalan keselamatan yang dilihat cuai dalam menilai dan mengambil pekerja yang betul dan sah, namun apa yang rakyat harapkan ialah usaha dan inisiatif menyeluruh untuk menangani jenayah membabitkan warga asing di negara kita secara holistik.

Kita perlu mengenal pasti dalang di sebalik sindiket pemalsuan kad pengenalan. Penderhaka ini perlu diberkas dan dibawa ke muka pengadilan dengan segera. Kita berharap Ops ID yang dilancarkan bakal membawa hasil yang kita mahukan.

Siasat dan telitilah sedalam mungkin latar belakang mereka sebelum diberi peluang pekerjaan. Kita tidak mahu pisang berubah dua kali. Cukuplah kejadian jenayah dilaporkan yang membabitkan warga asing.

**Penulis Ketua Bahagian**

**Hal Ehwal Pelajar**

**Universiti Putra Malaysia**